




مجلس آغا اسلام نڬري، فولادڤينڠ

# Wajah MAINPP

Wadah Perkongsian Maklumat Bersama

Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Tingkat 8 & 9, Menara UMNO, 128 Jalan Macalister, 14000 Pulau Pinang



Majlis Perasmian  
Maahad Al-Mashoor Al-Islami  
di Balik Pulau, Pulau Pinang



## Panel Redaksi Wajah MAINPP

### Penaung

Tuan Haji Ellias Bin Haji Zakaria  
Yang diPertua MAINPP

### Penasihat

Tuan Haji Sazali Bin Hussein  
Setiausaha MAINPP

### Ketua Pengarang

Nazmi Bin Abd. Shukor  
Pengurus Baitulmal

### Pengarang

Noor Diana Binti Noorazis  
Penolong Pegawai Komunikasi Dan Korporat

### Jurufoto

Haji Kamal Bin Said  
Isfahafis Bin Ismail

### Edaran

Fadzil bin Mohamed

## SEKAPUR SIRIH

Saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadirat Allah SWT kerana sekali lagi kita dipertemukan dalam buletin MAINPP bagi edisi 2011.

Segala pemaparan dalam buletin ini merumuskan aktiviti dan pencapaian yang dicatatkan oleh MAINPP sepanjang tahun selari dengan visinya untuk menjadi sebuah institusi yang unggul berteraskan konsep muamalah Islam demi kesejahteraan ummah.

Sesungguhnya matlamat MAINPP bukan sahaja sekadar merealisasikan pengurusan Baitulmal yang bertaraf dunia malahan memastikan setiap masyarakat Islam yang beriman, bertakwa dan dinamis dengan menjadikan Islam sebagai cara hidup.

Bukan itu sahaja, ia juga berperanan untuk menegakkan keadilan mengikut hukum-hukum Islam serta mengawal dan membasmikan murtad, bidaah, kemungkaran, maksiat, khurafat dan fikiran-fikiran yang menjejaskan kesucian Islam.

Di samping itu, MAINPP juga berperanan untuk memaju, menggalak, memudah dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial serta kesejahteraan umat Islam di Negeri Pulau Pinang berlandaskan hukum syara'.

Justeru itu, bagi mencapai matlamat ini, penilaian dan pemantauan haruslah dilaksanakan oleh para petugas sambil mendapatkan maklum balas yang telus daripada kepimpinan peringkat akar umbi bagi merealisasikan kejayaan ini.

Akhir kata, sekalung tahniah diucapkan ke atas khidmat murni serta prestasi tertinggi yang dicapai dan semoga ianya menjadi perangsang utama dalam mengemudikan MAINPP selaku pembela ummah.

SELAMAT MAJU JAYA

SALAM HORMAT

PENGURUS BAITULMAL  
NAZMI BIN ABD. SHUKOR



Pembaca boleh mengemukakan sebarang persoalan dan idea mengenai MAINPP melalui e-mel ke [mainpp@mainpp.gov.my](mailto:mainpp@mainpp.gov.my).

Insya-Allah sebarang persoalan akan dijawab dalam edisi yang akan datang.

Terima Kasih.




## PAMERAN SEMPENA SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1432H & PELANCARAN DANA WAKAF TUNAI

Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah menyertai pameran yang diadakan di Dewan Sri Pinang bersempena Sambutan Maulidur Rasul 1432H Peringkat Negeri Pulau Pinang. Pihak MAINPP juga telah diberikan satu slot utama iaitu PELANCARAN WAKAF TUNAI yang disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang TYT Tun Dato' Seri Utama (Dr) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas setelah menyampaikan ucapan di majlis tersebut.

Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang TYT Tun Dato' Seri Utama (Dr) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Timbalan Ketua Menteri 1, YB Dato' Mansor Haji Othman dan YB Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kasim (PJM) - Exco Agama Kerajaan Negeri, masing-masing telah menyumbang kepada Wakaf Tunai yang diadakan secara simbolik dengan penyerahan mock wang tunai RM5 dan penerimaan mock kupon wakaf tunai.





## KUNJUNGAN DARI DELEGASI PIMPINAN PUSAT DEWAN KEMAKMURAN MASJID ACHEH



Pihak MAINPP turut menjadi tumpuan dari negara jiran kita iaitu Indonesia di mana delegasi dari Aceh telah memilih untuk melawat negeri Pulau Pinang. Kira-kira 70 orang ahli rombongan terdiri dari 36 lelaki dan 34 perempuan yang diketuai oleh Ketua Umum Pimpinan Pusat Dewan Kemakmuran Masjid Aceh, Hasan Basyr telah membuat lawatan selama lima hari.

Delegasi ini tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Bayan Lepas pada pukul 5.45 petang. Pelbagai aktiviti dijalankan antaranya melawat beberapa masjid di Pulau Pinang iaitu Masjid Terapung, Tg Bungah dan Masjid Aceh, Jalan Langkawi. Bukan itu sahaja, mereka turut dibawa melawat ke tempat-tempat yang menarik di sekitar Pulau Mutiara ini.

Bagi menghargai kedatangan delegasi ini, pihak MAINPP telah menganjurkan jamuan makan malam bertempat di Restoran Pen Mutiara, Batu Maung, Pulau Pinang. Turut diselitikan acara bertukar-cenderahati sebagai tanda kenang-kenangan.



TYT Tun Dato' Seri Utama (DR.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang telah meluangkan masa melawat ke tapak projek pembinaan Masjid Abdullah Fahim, Bandar Bertam Kepala Batas, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. Masjid yang bernilai RM25.3 juta dan boleh memuatkan seramai 5,600 jemaah pada sesuatu masa merupakan cetusan idea TYT Tun dan telah direalisasikan pembinaannya oleh pihak ICU JPM.

Satu taklimat khas berkaitan pembinaan projek ini telah disampaikan kepada TYT Tun. Masjid ini telah mula dibina pada Jun 2009.

Turut hadir pada lawatan tersebut, Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Tuan Hj Ellias Hj Zakaria, Pengurus Projek Bahagian Pembangunan dan Pelaburan, Haji Anuar Bin Ahmad turut serta dalam lawatan tersebut Pegawai Kemajuan Negeri Pulau Pinang, Tuan Nik Ali bin Mat Yunus, Pengarah Jabatan Kerja Raya, Ir. Haji Ahmad Latif Bin Haji Abdul Hamid, Pegawai JKR dan juga wakil dari pihak pemaju.



## LAWATAN YANG DI- PERTUA NEGERI PULAU PINANG KE TAPAK PROJEK PEMBINAAN MASJID ABDULLAH FAHIM, BANDAR BERTAM KEPALA BATAS



## Sekitar Majlis Perasmian



### MAJLIS PERASMIAN KOMPLEKS PENDIDIKAN MAAHAD AL-MASHOOR AL-ISLAMI BALIK PULAU OLEH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG AL-WATHIQU BILLAH TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN IBNI AL-MARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH.

Bertempat di Balik Pulau, telah berlangsungnya Majlis Perasmian Kompleks Pendidikan Maahad Al-Mashoor Al-Islami yang telah disempurnakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah. Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri

Agong Tuanku Nur Zahirah turut berangkat hadir ke majlis ini.

Majlis yang bermula jam 3.00 petang ini turut dihadiri oleh dif – dif kenamaan yang terdiri daripada Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Senator Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B), Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Tuan Haji Elias Bin Haji Zakaria.

Majlis yang berlangsung lebih kurang selama dua jam setengah itu dimulakan dengan bacaan doa oleh Sahibus Samahah Mufti Kerajaan Negeri, Dato' Haji Hassan Bin Haji Ahmad dan diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Encik Mohd Mowardi Bin Jamaludin, Johan Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Pulau Pinang Kebangsaan. Para tetamu juga dipersembahkan dengan nasyid oleh pelajar-pelajar Maahad Al-Mashoor Al-Islami. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga turut berkenan untuk

menyampaikan tahnid ucapan perasmian dan seterusnya menandatangani plak perasmian sebagai simbolik merasmikan kompleks pendidikan tersebut. Majlis telah diakhiri dengan majlis santapan 'hi-tea' dan sesi bergambar bersama warga pendidik Maahad Al-Mashoor Al-Islami bersama-sama dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong.

Kira-kira 1,500 tetamu jemputan yang terdiri daripada ketua jabatan – jabatan persekutuan dan negeri serta penduduk setempat turut hadir bagi memeriahkan majlis dan mengambil peluang untuk bertemu dengan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong.

Seluruh warga kerja MAINPP merafak sembah dan menjunjung kasih atas keberangkatan hadir Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong ke majlis perasmian ini serta merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penganjuran majlis perasmian Maahad Al-Mashoor Al-Islami ini.



## MANAGEMENT RETREAT @ BUKIT MERAH

Bertempat di Suria Service Apartment, Bukit Merah, Perak Darul Ridzuan telah berlangsung program Management Retreat anjuran Bahagian Pentadbiran dan Kewangan dengan kerjasama Badan Kebajikan Anggota Mainpp (BKAM).

Program yang berlangsung selama dua hari ini turut diserikan dengan kehadiran Yang di Pertua MAINPP, Tuan Haji Elias bin Haji Zakaria, Setiausaha MAINPP, Tuan Haji Szali Bin Haji Hussein serta Pengurus Baitulmal, Encik Nazmi bin Abd. Shukur bersama keluarga masing-masing.

Program ini dimuatkan dengan sesi ceramah yang disampaikan oleh Yang Berbahagia Ustaz Mohd Hapiz Mahaiyadin, Pensyarah Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam dari Universiti Teknologi Mara Pulau Pinang.

Dengan ceramah yang bertajuk Integriti Dan Kaitannya Dengan Kekeluargaan, program ini turut diisi dengan aktiviti riadah yang melibatkan warga kerja MAINPP serta program santai yang lain yang melibatkan ahli keluarga. Turut diadakan, Majlis Makan Malam Dan Majlis Perpisahan Sempena Persaraan iaitu Tuan Haji Abd. Wahab bin S.K. Syed Meera P.J.N, P.P.N. Semasa majlis ini berlangsung Sijil Perkhidmatan Cemerlang kepada Encik Mohd Said Bin Ahmad, Puan Faridah Binti Ariffin, Puan Zuraida Binti Aman dan Encik Md.Isa bin Ishak yang disampaikan oleh Y.Bhg. Setiausaha MAINPP



YB Senator Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Bin Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah membuat lawatan kerja dan menyaksikan Majlis Penyerahan Kunci Kompleks Pendidikan Maahad Al-Mashor Al-Islami oleh Jabatan Kerja Raya selaku agensi pelaksana projek kepada Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri. Kompleks Pendidikan Maahad Mashoor Al-Islami ini merupakan salah satu daripada 18 projek fizikal pembangunan hartanah wakaf JAWHAR di bawah RMKe-9 dan ianya merupakan projek fizikal ketujuh yang berjaya disiapkan.

Kompleks ini mampu menempatkan sehingga 800 orang pelajar ini dibangunkan di atas tanah wakaf milik Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) yang mengandungi kemudahan 2 blok asrama 4 tingkat, blok pentadbiran 3 tingkat, blok akademik 4 tingkat, dan 1 blok dewan makan serta kemudahan sukan seperti padang bola sepak, gelanggang sepak takraw dan gelanggang bola tampar.

Melalui peruntukan kerajaan persekutan sebanyak RM256.4 juta untuk program pembangunan hartanah wakaf di bawah RMKe-9, JAWHAR telah melaksanakan 18 projek fizikalnya mengikut Fokus-fokus utama pembangunan Islam seperti ekonomi, kesihatan, pendidikan, perumahan dan keagamaan. Ini kerana wakaf merupakan salah satu instrumen penting dalam usaha memperkasakan sosio-ekonomi ummah secara produktif melalui penggunaan tanah wakaf secara optimum.



## LAWATAN KERJA YB MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI KE KOMPLEKS PENDIDIKAN MAAAHAD AL-MASHOOR AL-ISLAMI, BALIK PULAU



## JOM KARNIVAL 2 @ KAPITAN SQUARE

Bertempat di First Cup Café, Lebuh Buckingham, telah berlangsungnya pertandingan bola keranjang. Penyertaan ini dibuka kepada lelaki dan perempuan, dibahagikan kepada dua kategori iaitu 15 tahun ke bawah dan 18 tahun ke bawah serta terbuka. Karnival yang bermula jam 9.30 pagi dan berakhir 6.30 petang ini turut dimeriahkan lagi dengan pertandingan pancaragam, pertandingan mewarna malah turut dianjurkan pertunjukan pentas.

Dianjurkan bersama An Nur Ancasa Ekspres, karnival ini turut dimeriahkan dengan penampilan istimewa karakter kartun Disney popular, Mickey Mouse dan Donald Duck. Ternyata kehadiran dua watak kartun popular ini menarik perhatian kanak – kanak dan para pengunjung.



## LAWATAN RASMI KE MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP) DAN KPJ HEALTHCARE BERHAD

Bahagian Pembangunan Dan Pelaburan MAINPP telah melakukan lawatan rasmi ke Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Tujuan utama lawatan ini adalah bagi membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan hartanah dan penyelenggaraan bangunan. Lawatan ini diketuai oleh Pengurus Baitulmal MAINPP, Encik Nazmi bin Abd. Shukor dan diiringi Tuan Haji Anuar Bin Ahmad, Ketua Bahagian Pembangunan dan Pelaburan MAINPP serta beberapa kakitangan Bahagian Pembangunan dan Pelaburan MAINPP. Turut serta dalam lawatan tersebut adalah beberapa orang wakil daripada UDA Land North Sdn. Bhd.

Delegasi lawatan turut berkunjung ke KPJ Healthcare Berhad yang terletak di Jalan Pahang, Kuala Lumpur. Lawatan ini adalah untuk mengadakan perbincangan dua hala mengenai pelan pembangunan bagi pembinaan Klinik Waqaf An-Nur oleh pihak KPJ HealthCare Berhad.



## KUNJUNGAN DARI UiTM SABAH KE MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG (MAINPP)

Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah menerima kunjungan dari beberapa pelajar dari jurusan Pengurusan Perniagaan Universiti Teknologi Mara (UiTM) cawangan Sabah iaitu seramai 13 pelajar dan diiringi pensyarah Encik Franklin Hazley Lai.

Kunjungan ini bertujuan untuk memberikan pendedahan berkenaan dengan pengurusan tanah-tanah wakaf di seluruh negeri Pulau Pinang dan pembangunan yang telah dijalankan. Taklimat ringkas ini disampaikan oleh Pengurus Projek Bahagian Pembangunan dan Pelaburan, Tuan Haji Anuar bin Ahmad dan Encik Kamal bin Said dari Bahagian Wakaf.

Selesai sesi taklimat, diadakan sesi soal jawab di mana para pelajar berpeluang untuk mengutarakan soalan-soalan dan pandangan berkenaan dengan topik yang dibentangkan.



## MENIMBA ILMU DI TANAH PERKUBURAN ISLAM SUNGAI PETANI (TPISP)

Kesedaran untuk mempunyai pengurusan perkuburan Islam yang baik di Pulau Pinang telah mencetuskan idea agar diadakan lawatan ke sebuah tanah perkuburan di Sungai Petani. Objektif lawatan ini adalah untuk melihat sendiri sebuah kawasan tanah perkuburan yang diuruskan secara sistematik bagi memudahkan urusan fardhu kifayah disempurnakan ke atas sesama Muslim dan mendekati para waris dengan pusara yang dikasihi. Sebagai langkah awal untuk merealisasikan sebuah kawasan perkuburan yang teratur di Pulau Pinang, MAINPP telah mengadakan lawatan ke Tanah Perkuburan Islam Sungai Petani (TPISP) yang terletak di Darul Aman Perdana, Bandar Sungai Petani yang telah memulakan operasinya pada awal Jun 2007. Lanskap kawasan tanah perkuburan ini adalah berkonsepkan 'tanah perkuburan dalam taman' dan mesra alam sekitar di samping bertemakan warna hijau dan kuning.

Lawatan ini telah diketuai oleh Pengurus Baitulmal, Encik Nazmi Bin Abd. Shukor dengan diiringi Ketua Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan, Encik Shahril Bin Shahrom, Penolong Pegawai Tadbir Bahagian Wakaf, Tuan Haji Kamal Bin Said dan Encik Muhammad Nasir Bin Haji Abdul Razak serta beberapa orang kakitangan yang lain. Program ini telah dimulakan dengan sesi taklimat yang disampaikan oleh Ketua Penyelaras TPISP iaitu Encik Zulkifli Bin Haji Said dan diikuti dengan sesi soal jawab dan perbincangan. Program ini diakhiri dengan sesi tinjauan ke kawasan perkuburan khusus bagi melihat kaedah susunan kubur yang memudahkan pengunjung untuk menziarahi pusara yang terletak di TPISP ini.





## SEMINAR PENTADBIRAN TANAH DAN PENGURUSAN PROJEK DI JEREJAK RAINFOREST RESORT, PULAU JEREJAK.

Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang telah menganjurkan Seminar Pentadbiran Tanah Dan Pengurusan Projek di Jerejak Rainforest Resort, Pulau Jerejak. Seminar yang melibatkan 25 orang pegawai dan kakitangan MAINPP ini telah turut melibatkan tiga orang kakitangan Unit Pembangunan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang.

Seminar yang julung kali diadakan ini memuatkan slot ceramah yang menyentuh aspek-aspek berkaitan Perolehan Tanah, Akta Hakmilik Strata, Pelan Pembangunan, Garis Panduan Rumah Ibadat Islam, Pembangunan Kawasan Warisan Dunia serta Pengurusan Kewangan dan Sesi Percambahan Fikiran Pengurangan Tunggakan Sewa Wakaf. Seminar ini turut menjemput dua orang pegawai yang berpengalaman daripada Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Pejabat Tanah Dan Galian (PTG) bagi menyampaikan ceramah berkaitan tanah dan bangunan warisan selain daripada sesi ceramah oleh Pengurus Projek MAINPP sendiri.

Pada hari kedua, aktiviti *jungle trekking* menaiki bukit yang mengambil masa lebih kurang satu jam untuk daya ketahanan para peserta seminar juga turut diadakan. Seminar ini berakhir dengan ucapan penutup oleh Tuan Haji Sazali Bin Haji Hussein, Setiausaha MAINPP serta sesi penyampaian sijil kepada para peserta.



### TERIMA KASIH DI ATAS SUMBANGAN ANDA

Masmadhanur Aslinda Binti Ali  
PEGAWAI UNDANG-UNDANG

Shahril Zamani Bin Md. Zain  
AKAUNTAN

Haji Abd. Wahab Bin S.K. Syed Meera  
P.J.N., P.P.N.  
PEMBANTU TADBIR

### SELAMAT DATANG KE DUNIA MAINPP

Nurul Syuhada Binti Md. Lazim  
PENOLONG PEGAWAI  
UNDANG-UNDANG

Muhammad Nasir Bin Haji Abd. Razak  
PENOLONG PEGAWAI TADBIR  
(Pegurusan Aset)

